# Shukry pilih perniagaan emas ingin didik ilmu kewangan buat pelajar

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Sabri Omar

## LIHAT JUGA



Fatin Amiral
(/berita/fatir



UPM dan M
regeneratif
(/berita/upm
ubatan_rege



Tambah per
Ramadan
(/berita/tam
r_ramadan-

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000
+603-9769 1000
---
@ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu




Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

**SERDANG, 26 Nov** - “Orang kaya sahaja yang boleh menyimpan emas”. Begitulah stigma yang sering dilemparkan oleh masyarakat.

Bagaimanapun, Ahmad Shukry Yahya graduan Bacelor Sains Pertanian UPM mengubah persepsi tersebut dalam kalangan pelajar universiti ketika beliau mula menceburi menjadi peniaga emas pada 2019.

“Ketika itu saya merasakan bahawa mahasiswa perlu mempelajari tentang ilmu kewangan dan juga simpanan emas. Saya nampak menjadi peniaga emas dalam kalangan pelajar merupakan satu keunikan yang lain daripada perniagaan lain.

“Saya akui memang ramai yang mencemuh saya seorang penipu dan tidak percaya pada saya ketika awal perniagaan. Namun, berkat keinginan untuk mendidik ilmu kewangan pada pelajar akhirnya orang yang pertama cakap saya penipu itu kini menyimpan emas dibawah saya,” katanya.

Anak bongsu kelahiran Kota Tinggi, Johor ini juga merupakan insan yang pertama dalam lima adik-beradiknya yang memperoleh ijazah.

“Kejayaan menggenggam ijazah ini merupakan hadiah buat ahli keluarga saya dan arwah ibu yang telah pergi pada 1 Syawal 2006. Alhamdulillah daripada 2019, hingga kini saya ada hampir 2,000 orang penyimpan emas di bawah saya,” katanya.

Baru-baru ini juga beliau telah menerima Anugerah Program Inovasi Terbaik dan Anugerah Program Terbaik Negeri Johor 2022 sempena Anugerah Ikon Johor 2022. - UPM

Tarikh Input: 26/11/2022 | Kemaskini: 26/11/2022 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

WWEMJAX:09:45

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fshukry_pilih_perniagaan_emas_ingin_didik_ilmu_kewangan_buat_pelajar-70184&title=Shukry%20Pilih%20Perniagaan%20Emas%20Ingin%20Didik%20Ilmu%20Kewangan%20Buat%20Pelajar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

-

spk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999



© 2023 Universiti Putra Malaysia